

EDISI HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA

E-BULLETIN

EDISI 8



10 PRESTASI
TERTINGGI
EB BSN

TIP & PANDUAN
PERKARA YANG
PATUT & TIDAK
PATUT DILAKUKAN
OLEH PELANGGAN

ANZ BERKAT
MAJU
ENTERPRISE
EB BSN CEMERLANG
JULAI 2021

Coretan Daripada Ketua Jabatan Perbankan Digital



Assalamualaikum, salam sejahtera, dan Salam Kemerdekaan kepada Ejen Bank BSN (EB BSN) dan sidang pembaca semua.

Syukur Alhamdulillah serta ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menerbitkan e-buletin EB BSN edisi ke-8 ini dengan jayanya.

Berkat usaha, kerjasama dan semangat daripada semua, objektif EB BSN iaitu membantu menawarkan perkhidmatan perbankan kepada komuniti terutamanya di kawasan pedalaman dapat terus direalisasikan dan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa

Bagi memupuk semangat serta meningkatkan motivasi semua EB BSN, kami telah memilih EB BSN ANZ BERKAT MAJU ENTERPRISE sebagai penghias muka hadapan e-buletin kali ini atas kejayaan cemerlang mereka bagi bulan Julai 2021. Semoga kejayaan mereka menjadi pembakar semangat kepada EB BSN yang lain untuk terus berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti.

Selain itu, e-buletin EB BSN ini juga akan menjadi platform untuk menyalurkan pelbagai informasi terkini selain menganjurkan peraduan-peraduan dengan hadiah-hadiah menarik dalam setiap edisi yang diterbitkan. Insya-Allah, pelbagai lagi penambahbaikan akan kami laksanakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti e-buletin pada masa akan datang.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua EB BSN dan para pembaca. Semoga kita berjumpa lagi dalam edisi yang akan datang.

Terima kasih daun keladi,
EB BSN berbakti, komuniti pun *happy*

AZRUL FARIQUE MUSTAFA





Kandungan

SAMBUTAN	04
INFO AM EB BSN	05
TIP DAN PANDUAN	07
CERITA EB BSN	08
TESTIMONI EB BSN	10
CEGAH COVID-19	11
PROMOSI	12
PROGRAM DAN AKTIVITI	13
PERADUAN EB BSN	14

**Kumpulan
Pengarang**

**(Jabatan
Komunikasi
Strategik)**

Mohammad Hanafi
Mohammad
Reezwan

**(Jabatan
Perbankan
Digital)**

Muhammad
Waie Faiz
Megat Aizuddin

**Produksi dan
Grafik**

Ashura Hakim
Sanny Hisham

SEMARAKKAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA DENGAN NORMA BAHRU

Pada tahun ini, sekali lagi dalam sejarah Malaysia sambutan Hari Kebangsaan disambut dengan sederhana disebabkan negara masih dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini masih mengekalkan tema yang sama seperti tahun lepas iaitu ‘Malaysia Prihatin’. Ini seiring dengan iltizam dan aspirasi kerajaan dalam menyemai rasa cinta semua rakyat Malaysia kepada negara, selain menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia ketika masih memerangi pandemik COVID-19 semenjak lebih setahun yang lalu.

Walaupun sambutan pada tahun ini bakal disambut dengan norma baharu, marilah kita bersama-sama menyemarakkan dengan penuh bersemangat dengan mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman masing-masing sebagai tanda patriotik kepada negara.



Agensi Perkhidmatan Baharu

Berikut merupakan **dua (2) agensi** perkhidmatan baharu yang boleh dilakukan di EB BSN.

- i. Infinity Ventures Marketing - syarikat untuk pembayaran bil
- ii. XOX - syarikat tambah nilai prabayar

Transaksi	Nama Organisasi	Nama Di Terminal	Jenis Pembayaran	Ruj 1	Ruj 2
Pembayaran Bil	Infinity Ventures Marketing	Infinity Ventures	Pinjaman/ pembentangan	No. MyKad	No. Telefon
Tambah Nilai Prabayar	XOX	XOX	Soft-PIN	-	-

10 EB BSN Teratas Yang Melakukan Transaksi Tertinggi

No	EB BSN
1	Anz Berkat Maju Enterprise
2	Mybill Sdn. Bhd (Nusa Bistari) (Pos 2)
3	75 Tc Smart Enterprise
4	Panda Marketing Enterprise
5	First Mart Trading Sdn.bhd
6	Basharuddin Enterprise
7	Ssc Digital Photo
8	Mj Wannina Enterprise
9	G One Accessories
10	Panji Rezeki Sdn Bhd

Produk Tambah Nilai Prabayar Baharu

Kategori	Produk
Prabayar Mudah Alih	Prabayar Red One
IDD/STD	Red Tone Plus iTalk Mobile
e-Dompet / e-Wallet	Touch & Go
Prabayar Internet / Internet Prepaid	Celcom Internet Digi Internet Tamban Nilai Unifi Mobile / Unifi Mobile Reload Umobile PP Internet GT Umobile PP Internet GX Umobile PP Internet UMI

Perkara Yang Mesti Dilakukan Oleh Setiap EB BSN Bagi Melancarkan Operasi EB BSN



Aktifkan terminal POS untuk urusan transaksi



Memaklumkan kepada BSN jika terdapat sebarang masalah



Terima kehadiran pelanggan pada masa yang ditetapkan



Mematuhi arahan dan panduan operasi EB BSN



Melakukan pengesahan pelanggan semasa berurusan



Menyimpan terminal POS, resit urusniaga, dan lain-lain dokumen penting dengan selamat

Dokumen Dan Bahan Promosi Yang Perlu Ada Di Premis EB BSN

- Dokumen Perjanjian
- Papan Tanda EB BSN
- Watikah Perlantikan
- Piagam Pelanggan
- Had Limit Transaksi
- Pelekat "Sila Dapatkan Resit Transaksi"
- Risalah EB BSN (selagi stok masih ada)



Tahukah Anda?

Saksikan video promosi EB BSN yang terbaru. Anda juga boleh memuat turun video ini untuk promosikan pada media sosial anda dengan menekan pada video ini.

Klik Di Sini



Untuk pembukaan akaun, EB BSN digalakkan memilih akaun Islamik iaitu BSN Giro-i melainkan diminta oleh pelanggan untuk akaun konvensional.

Pelanggan diberi masa dua (2) bulan untuk ke Cawangan BSN bagi melengkapkan KYC dan mendapatkan Kad Debit BSN Visa.

Awas! Berwaspada Terhadap Penipuan Kewangan

1.

JANGAN menjadi mangsa skim yang menjanjikan pulangan yang terlalu menarik yang boleh memperdayakan anda.



2.

JANGAN respon mana-mana panggilan telefon / SMS / emel yang meminta butir-butir perbankan anda.



3.

JANGAN ikuti arahan membuat transaksi bank atau menukar butir-butir akaun bank daripada pihak tidak dikenali bankan anda.



4.

JANGAN dedahkan butir-butir akaun bank / ATM / PIN / kata laluan kepada mana-mana pihak.



5.

BUAT kata laluan yang kukuh menggunakan campuran abjad, nombor dan simbol.



Perkara Yang Patut Dan Tidak Patut Dilakukan oleh Pelanggan



Perkara yang patut dilakukan



Perkara yang tidak patut dilakukan

- Pelanggan melakukan transaksi untuk dirinya sendiri dan bukan bagi pihak lain.
- Pelanggan memberitahu BSN untuk sebarang kesalahan ejen yang mengenakan yuran kepada pelanggan dan ejen mengenakan sebarang syarat sebelum melakukan transaksi
- Pelanggan menghubungi BSN untuk pertanyaan atau aduan mengenai ejen dan urus niaga
- Berurus di premis perniagaan ejen sahaja. Premis perniagaan ejen mesti mempunyai papan tanda institusi kewangan dan memiliki sijil ejen yang sah
- Pastikan resit yang diterima dikeluarkan oleh mesin sah BSN sahaja
- Periksa resit "salinan pelanggan" untuk memastikan jumlah penerimaan sama dengan transaksi sebenar yang dilakukan sebelum meninggalkan premis ejen
- Simpan resit transaksi (salinan pelanggan) sebagai bukti transaksi walaupun transaksi tersebut gagal sebelum meninggalkan premis ejen
- Melakukan transaksi dengan ejen sah sahaja

- Pelanggan berkongsi butiran akaun atau membenarkan pihak ketiga menyalahgunakan akaun
- Pelanggan menerima resit yang dikeluarkan secara manual oleh ejen
- Pelanggan membenarkan ejen menyimpan resit salinan pelanggan
- Pelanggan membayar sebarang yuran atau caj terus kepada ejen
- Pelanggan melakukan transaksi dengan ejen yang tidak sah
- Kelewatan pelanggan memberitahu institusi kewangan untuk sebarang pertikaian transaksi
- Memberi pinjam kad ATM, bagikan Nombor PIN dan dedahkan baki akaun kepada orang lain, termasuk ejen
- Berusur dengan ejen di luar premis perniagaan ejen
- Menjalankan urus niaga semasa sistem tidak berfungsi dan mesin tidak dapat mengeluarkan resit yang sah

ANZ Berkat Maju Enterprise EB BSN Cemerlang Bagi Julai 2021

Jom kita baca pengalaman dan tip yang dikongsikan oleh EB BSN Pn. Afaf Hashim yang merupakan pemilik ANZ Berkat Maju Enterprise daripada Terengganu berkenaan bagaimana beliau berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam perniagaannya.

Berikut merupakan jawapan Pn. Afaf Hashim berkaitan pengalaman dan nasihat beliau kepada EB BSN yang lain:

Apakah perubahan terbesar dalam kehidupan anda sebelum dan selepas menjadi EB BSN?

Menjadi EB BSN telah merubah corak perniagaan kami dengan membawa nama BSN yang semestinya tanggungjawab besar untuk memastikan semua urusan berjalan dengan lebih baik, tepat dan lancar. Saya seronok kerana dapat menolong memudahkan urusan penduduk setempat membayar bil, mengeluarkan wang terutama golongan warga emas yang susah untuk ke bank.

Apakah pendapat anda tentang kelebihan menjadi EB BSN?

Sangat banyak kelebihan menjadi EB BSN, selain menambah pendapatan, sebelum ini pihak BSN ada menawarkan hadiah kepada ejen yang cemerlang seperti hadiah wang tunai dan pakej melancang/umrah yang mana ini membuatkan ejen lebih bersemangat lagi.

Bagaimanakah anda dapat mengekalkan prestasi cemerlang sepanjang berkhidmat sebagai EB BSN?

Kerjasama berpasukan sangat penting. Kami pastikan setiap staf memahami matlamat serta objektif EB BSN dalam mengekalkan prestasi perkhidmatan kami. Matlamat harian dan bulanan pasti akan tercapai.

Apakah cabaran yang anda hadapi semasa pandemik COVID-19 dan apakah yang mendorong anda untuk mengatasinya?

Pergerakan yang terhad serta SOP COVID-19 yang ketat memberi cabaran yang besar semasa pandemik ini. Namun pihak kami cuba mengatasinya dengan membuat persediaan awal agar baki sentiasa mencukupi. Kerjasama daripada pelanggan juga sangat membantu kami dan kita perlu memberi maklumat yang jelas tentang operasi perniagaan kita kepada pelanggan.

Apakah nasihat anda kepada EB BSN lain yang menghadapi cabaran dalam perniagaan?

Sabar dan terus buat, cuba berusaha untuk tambah ilmu dalam perniagaan, di samping

pihak BSN sendiri memberi sokongan kepada ejen.

Apakah matlamat jangka panjang untuk perniagaan anda?

Pada pandangan saya, untuk jangka masa yang panjang, perniagaan ini boleh memberi banyak manfaat kepada perniagaan saya. Dengan adanya bantuan dan sokongan berterusan daripada pihak BSN, saya yakin perniagaan yang saya jalankan akan berkembang lebih baik selain dapat membantu dan memudahkan lebih ramai penduduk sekitar untuk membuat urusan perbankan dengan lebih mudah.

Apakah nasihat anda kepada EB BSN yang lain supaya dapat meningkatkan urusan transaksi daripada pelanggan?

Kejayaan banyak bergantung kepada persediaan kita sebagai ejen. Modal yang banyak bukan perkara utama tetapi yang penting berapa ramai orang sekeliling tahu tentang perkhidmatan yang kita tawarkan. Macam saya, tidak ada modal yang banyak namun saya cuba membuat pelbagai promosi supaya ramai yang tahu perkhidmatan yang saya sediakan.



“ Modal yang banyak bukan perkara utama, yang penting berapa ramai orang sekeliling tahu tentang perkhidmatan yang kita tawarkan.”
– PN. AFAF HASHIM

“

“Semenjak hampir 6 tahun menjadi EB BSN, pendapatan **perniagaan saya semakin stabil**. Ramai pelanggan suka datang ke premis saya disebabkan banyak perkhimatan yang boleh dilakukan dan memudahkan pelanggan seperti pembayaran bil utiliti dan tambah nilai prabayar”

”



EB BSN MWF
Enterprise, Perak

“

“Perniagaan saya berubah menjadi lebih baik kerana **jualan meningkat dan premis perniagaan saya semakin dikenali** kerana ramai pelanggan datang untuk membuat urusan bank dan dalam masa yang sama mereka boleh beli barang-barang di kedai saya”

EB BSN Spec Ocean
Trading, Johor

”

“Antara perkara yang menarik minat saya tentang EB BSN adalah **komisen yang ditawarkan adalah menarik**. Selain itu, dapat membantu pelanggan kerana mereka tidak perlu pergi jauh untuk membayar bil, tambah nilai prabayar, dan keluarkan duit serta pelanggan boleh buat urusan dengan masa yang fleksibel. Tiada had masa seperti di Cawangan Bank”

”



EB BSN
Pasar Mini T&T,
Perak

“Saya telah menjadi EB BSN hampir 9 tahun dan Alhamdulillah **perniagaan saya semakin maju** kerana semakin ramai pelanggan datang ke kedai saya”



EB BSN
Samsuri
Suratman,
Johor

EB BSN En. Abdul
Rahim, Perak

COVID-19

#KitaTeguhKitaMenang

CARA SIMPAN PELITUP MUKA SEMASA MAKAN



Buka pelitup muka dan simpan di dalam beg kertas atau plastik; **BUKAN**



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



Pelbagai kempen BSN yang menarik sedang dijalankan. Antaranya adalah kempen Simpan dan Melabur, BSN SSP, Pembiayaan Perumahan, Skim Mikro Kredit PEMERKASA, Kad Kredit dan banyak lagi! Sebagai EB BSN, kami sangat menghargai sekiranya anda dapat sebarkan kempen ini kepada pelanggan anda.

3.00%

setahun

Simpan minimum RM5,010 dalam **BSN SSP SE** dan melabur jumlah yang sama dalam **Unit Amanah** untuk menikmati kadar keuntungan menarik dan melayakkan anda memenangi **hadiah BSN SSP** yang luar biasa

Tempoh kempen: 1 Julai 2021 - 30 September 2021

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada permaisuri dan syarat.



HADIAH BERNILAI LEBIH RM30 JUTA! MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada permaisuri dan syarat.



Pelbagai Kelebihan dengan Pembiayaan Perumahan BSN MyHome/i

Kempen BSN Mega Home
Pembayaran semula kediaman
Pembayaran perumahan untuk pelaburan
Pembayaran perumahan untuk rumah pertama
Pembayaran untuk rumah baharu yang lebih selera

Hadiah Utama
Proton X50
x 1 pemenang

Hadiah Suku Tahunan
BSN SSP RM10,000
x 3 pemenang

Hadiah Bulanan
BSN SSP RM1,000
x 3 pemenang

Tempoh Kempen: 1 Januari - 31 Disember 2021

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada permaisuri dan syarat.



Skim Mikro Kredit **PEMERKASA**

Menyokong Kelangsungan Perniagaan Anda

Pembayaran sehingga RM50,000	Kadar Keuntungan 0.00% (asas baki bulanan)	Tempoh pembayaran: Antara 1-5.5 tahun termasuk 6 bulan moratorium untuk bayaran bagi pembayaran ansurans bulanan
-------------------------------------	--	--

Menawarkan empat (4) skim pembayaran:

BSN Micro/i PEMERKASA	BSN Micro/i PEMERKASA-NITA
BSN Micro/i PEMERKASA MAMPAH	BSN Micro/i PEMERKASA BELIA

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada permaisuri dan syarat.

Belanja, TAP & Menang 2.0

Belanja minimum RM50 dengan Kad Debit BSN anda dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah hebat!



HADIAH UTAMA	
1X BSN SSP bernilai RM10,000	
HADIAH BULANAN	
8X Hadiah Pertama BSN SSP bernilai RM1,000	Hadiah Ketiga Pulangan Tunai RM100
20X Hadiah Kedua BSN SSP bernilai RM500	Hadiah Segu Harta Pulangan Tunai RM50

Tempoh Kempen: 31 Mei 2021 - 30 September 2021

Ketahui lebih lanjut

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada permaisuri dan syarat.

Pemenang Peraduan “Selfie” #EBBSN RayaNormaBaharu

TEGUH JAYA
ENTERPRISE
(SARAWAK)



AMNI
WAHYUNI
ENTERPRISE
(SELANGOR)



SRI BEKOK
TRADING(TERENGGANU)

Terima kasih kepada EB BSN yang telah menyertai peraduan “Selfie” #EBBSNRayaNormaBaharu pada Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

Hadiyah-hadiyah saguhati akan diberikan kepada semua penerima dalam masa yang terdekat.



KEDAI RUNCIT
MARTHA (SABAH)



MOZIAN YASAK
(PAHANG)



RINA SHOP (SABAH)



ERA DAGANG
ENTERPRISE (PERAK)

Swafoto Bersama Jalur Gemilang dan berpeluang memenangi baucar **BSN SSP RM300**

Ayahsertai peraduan Swafoto Bersama Jalur Gemilang bagi semarakkan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021.



Tiga (3)
gambar yang paling menarik akan dipilih untuk memenangi baucar **BSN SSP** seperti dibawah

x1

Hadiah Pertama

BSN SSP
RM300**x1**

Hadiah Kedua

BSN SSP
RM200**x1**

Hadiah Ketiga

BSN SSP
RM100

Cara penyertaan:

Swafoto bersama Jalur Gemilang dengan menarik dan kreatif. Memuatnaik gambar swafoto anda di Facebook atau Instagram beserta caption bertajuk **Malaysia Prihatin**

Pastikan anda “tag” Facebook @BSNMalaysia dan letakkan hashtag #EBBSNHariKebangsaan2021 beserta #NamaPremisEBBSNAnda



Terima kasih

kepada semua pembaca.

Sekiranya anda ada sebarang cadangan dan pendapat bagi menambahbaik e-buletin edisi yang akan datang, sila e-mel kepada mwaiefaiz@bsn.com.my atau megataizuddin@bsn.com.my